

Rebut peluang dalam bidang keusahawanan wanita

Oleh MUHAMMAD IZWAN MOHD. ISA
izwan.mohdisa@kosmo.com.my

SERDANG - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menekankan kepentingan pengurusan kewangan dalam kalangan wanita bagi menikmati manfaat serta peluang yang diberikan kerajaan dalam bidang keusahawanan di bawah Bajet 2014 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, terdapat program yang akan diperkenalkan dalam masa terdekat bagi memperkasakan golongan wanita dalam bidang tersebut.

Katanya, dua program berkenaan ialah Akademi Inovasi Wanita dan Skim Usahawan Pasar Malam.

"Pada pembentangan Bajet 2014 baru-baru ini, penubuhan Akademi Inovasi Wanita merupakan satu langkah kerajaan bagi merangka program kepimpinan, keusahawana-

■ Pada pembentangan Bajet 2014 baru-baru ini, penubuhan Akademi Inovasi Wanita merupakan satu langkah kerajaan bagi merangka program kepimpinan, keusahawanan dan inovasi untuk golongan wanita.

ROHANI ABDUL KARIM

nan dan inovasi untuk golongan wanita.

"Skim Usahawan Pasar Malam pula akan diwujudkan bagi membantu peniaga-peniaga pasar malam menerusi dana sebanyak RM100 juta. Skim ini akan dikenalikan sepenuhnya oleh Bank Simpanan Nasional," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis pelancaran Program Citi-UPM Pendayaupayaan Kewangan Untuk Wanita Matang di Dewan Besar Pusat

Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Bahagian Akademi dan Antarabangsa UPM, Profesor Datin Paduka Dr. Aini Ideris dan Ketua Pegawai Eksekutif Citibank Berhad, Sanjeev Nanavati.

Program itu merupakan usaha-sama antara UPM dan Citibank dalam memberikan pendedahan kepada golongan wanita berumur da-



ROHANI (kanan) bersalaman dengan peserta-peserta yang hadir pada majlis pelancaran Program Citi-UPM Pendayaupayaan Kewangan Untuk Wanita Matang di UPM, Serdang semalam.

lam lingkungan 40 hingga 60 tahun untuk menguruskan kewangan mereka.

Melalui program tersebut, seramai 800 wanita daripada Persatuan Wanita UPM dan Majlis

Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia yang berpendapatan bawah RM3,000 sebulan bakal diberi latihan dari segi pembangunan simpanan serta pelan pelaburan dan persaraan.